

Seri Paduka Baginda Bergantung pada orang

Lee Boon Peng berhenti dari Setiausaha Parlimen

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Lee Boon Peng hari ini mengumumkan perletakan jawatannya sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kestihatan, berkuatkuasa mulai esok.

Datuk Lee, 61, memberitahu pemberita, beliau telah mengemukakan surat perletakan jawatannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerusi Pemangku Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan, Isnin lalu.

Dalam suratnya, beliau memberikan alasan utamanya yang telah lanjut dan keinginannya untuk meneruskan kerjaya sebagai peguam. Kalanya, perletakan jawatan beliau bukan disebabkan oleh tekanan dari mana-mana pihak, tetapi dibuat atas kerelaannya sendiri.

Timbalan Pengarah Besar Tabung Haji (Kewangan), Syeikh Mahmud Ali memberitahu Berita Harian hari ini, keputusan itu diambil kerana Tabung Haji akan menumpukan kegiatan perniagaan dalam bidang pembelian saham dari syarikat-syarikat

SERI Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hari ini menyeru rakyat supaya berwaspada terhadap musuh-musuh yang mahu melemahkan pelaburan penting negara Malaysia yang bebas dan berdaulat — kemakmuran, kestabilan dan perpaduan.

Seri Paduka Baginda juga mengingatkan rakyat supaya jangan bergantung seratus peratus kepada mana-mana pihak kerana "kawan berukusa senang dicari, ka-

wan di waktu kesedihan susah didapati."

Dalam titah ucapan Hari Keputeraan rasmi Seri Paduka Baginda melalui Radio dan Televisyen Malaysia malam ini, Yang di-Pertuan Agong bertitah, kemakmuran, kestabilan serta perpaduan di kalangan rakyat sebuah negara adalah pelaburan yang sangat penting.

"Musuh-musuh negara tentu mengangap perkara-perkara ini sebagai penghalang kepada tujuan dan muslihat mereka.

"Tetapi kita, sebagai rakyat sebuah negara yang bebas lagi berdaulat, mestilah sentiasa berwaspada dan berhati-hati terhadap gejala-gejala yang boleh melemahkan kita," titah Baginda.

KUALA LUMPUR, Rabu

Seri Paduka Baginda membidai kuasa-kuasa besar yang leka dengan kuasa politik mereka walaupun negara-negara membangun menghadapi berbagai masalah dan amat memerlukan persefahaman dan bantuan untuk maju.

"Seperti kata pepatah, gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah. Itulah sebabnya sebagai negara membangun, kita tidak boleh bergantung seratus peratus kepada mana-mana pihak."

Sukar ditanding

Menurut Seri Paduka Baginda, tidak banyak negara membangun yang boleh menandingi Malaysia.

Walaupun kadangkala terdengar aungtan-aungtan di sana sini, kendati kita adalah lebih baik dari kebanyakan ne-

gara membangun yang lain, titah Baginda.

"Tetapi ini tentulah tidak dapat diamlai, atau digambarkan oleh kebanyakan kita yang belum melihat keadaan di negara-negara lain ini — tentang kemiskinan, kelaparan, penyakit, malapetaka dan lain-lain.

"Kita pernah mendengar kisah-kisah penderitaan orang-orang pelarian seperti di Afghanistan, Kampuchea dan Palestin yang terpaksa hidup menderita dan diperbuai sentiasa.

"Malahan ada daripada general yang tidak pernah mengenali selain daripada peperangan. Banyak saudara mereka diburu dan ditusch dengan kejam dan mereka menjadi siasa peperangan dan kekacauan," titah Baginda.

Yang di-Pertuan Agong bertitah, inilah hikmah Allah menjadikan pelbagai jenis manusia dan peristiwa, supaya semuanya menjadi pengajaran dan mendatangkan keinsafan kepada kita.

Seri Paduka Baginda berharap, rakyat akan bersyukur dengan rahmat dan nikmat yang dialami berbanding dengan beratus-ratus ribu manusia di negara-negara lain yang hidup tanpa makanan yang cukup dan kelaparan menjadi perkara seharisan.

Yang di-Pertuan Agong bertitah, sesuatu perubahan tidak semestinya mendatangkan manfaat dengan serta merta. Setengah perubahan yang dibuat adalah dari segi jangka panjang dan dengan itu faedah-nya hanya mungkin dapat dikecapi oleh generasi akan datang.

TITAH PENUH SERI PADUKA DI MUKA 10

Bahan asal dari Arkitab
Negara Malaysia

Tabung Haji jual semula \$5 j saham

KUALA LUMPUR, Rabu — Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah menjual balik saham-saham bernilai lebih \$5 juta kepada lima syarikat yang didapati kurang sewajarnya.

Timbalan Pengarah Besar Tabung Haji (Kewangan), Syeikh Mahmud Ali memberitahu Berita Harian hari ini, keputusan itu diambil kerana Tabung Haji akan menumpukan kegiatan perniagaan dalam bidang pembelian saham dari syarikat-syarikat

yang tidak bertentangan dengan luno-luno Islam.

Syeikh Mahmud berkata, sebahagian saham-saham itu dijual pada pertengahan tahun lalu dan setengahnya akhir tahun. Timbalan Pengarah Besar itu berkata, hasil jualan dari saham itu digunakan untuk membeli saham-saham yang halal mengikut Islam.

Menurutnya, pihaknya sentiasa berhati-hati terhadap perijanaan syarikat-syarikat yang dilabur

dan sekiranya didapati menyalakan kegiatan yang bertentangan, Tabung Haji tidak teragak-agak menarik balik sahamnya.

"Tabung Haji tidak menggariskan projek yang ingin disertai tetapi tetap memerhati setiap perijanaan syarikat," ujarnya.

Syeikh Mahmud menambah, pada masa ini dan akan datang, pihaknya akan lebih menumpukan kegiatan dalam pelaburan perniagaan,

perusahaan, perumahan dan perdagangan.

Katanya, baru-baru ini, Tabung Haji telah membeli dua bidang tanah perusahaan berharga hampir \$10 juta kepunyaan sebuah syarikat di Petaling Jaya.

Tetapi segala harta di atasnya termasuk kilang, bangunan setor dan pejabat diawak kembali kepada syarikat itu selama 20 tahun.

Di sektor perdagangan, setakat ini Tabung Haji memiliki 3,200 hektar kelapa sawit di Pahang.